

# Tak endah larangan guna bubu kambang

HM 18/01/24 M15 8

**Alor Setar:** Kerap kali amaran diberikan namun masih ramai nelayan dikesan menggunakan peralatan bubu kambang atau dikenali sebagai bubu naga yang diharamkan untuk menangkap ikan.

Terbaru empat nelayan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Kuala Kedah selepas didapati menggunakan bubu naga, petang kelmarin.

Semua ditahan hasil operasi khas Op Mardof bersama Jabatan Perikanan Malaysia di tiga lo-

kasi berbeza berhampiran Tanjung Dawai di sini.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Noor Azreyanti Ishak berkata, kesemua lelaki itu ditahan ketika sedang mengangkat bubu naga berkenaan.

Katanya, pemeriksaan di tiga bot nelayan terbabit menemui 43 set bubu naga yang baru sahaja diangkat ke atas bot.

"Empat lelaki berusia 25 hingga 51 tahun ditahan manakala hasil tangkapan, bubu naga, peralatan dan tiga bot beserta enjin bernilai RM124,680 dirampas," katanya.